

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
BUKIT AMAN
UPACARA PERASMIAN RUMAH PERKEP
07 OKTOBER 1996

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dan izinNya dapat kita bertemu di majlis yang berbahagia ini pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Majlis dan Ahli Jawatankuasa PERKEP yang sudi menjemput saya ke majlis perasmian Rumah Persatuan Keluarga Polis atau PERKEP ini.

3. Saya difahamkan rumah PERKEP ini mempunyai sebuah Pejabat Urusetia, Dewan Serbaguna, Dewan Mesyuarat dan Asrama yang boleh menempatkan 100 orang. Pucuk pimpinan Polis DiRaja Malaysia patut dipuji kerana memberikan pengiktirafan dan penghargaan ke atas peranan penting serta aktif yang dimainkan oleh PERKEP dalam menyokong kelancaran organisasi pasukan polis, dan kerana menyumbangkan beberapa bangunan di Bukit Aman untuk dijadikan rumah PERKEP. Ini bagi saya adalah satu langkah yang baik demi menjaya dan memperkukuhkan masa depan PERKEP.

4. PERKEP merupakan sebuah persatuan yang begitu teratur yang mempunyai sebanyak enam biro iaitu pendidikan, agama, kebajikan, sukan, sosial/lawatan dan kraftangan. Persatuan ini mempunyai keahlian seramai 85,000 orang wanita dan memainkan peranan aktif dalam menjaga kebajikan dan kebahagiaan rumah tangga dan ahli-ahli keluarga anggota pasukan Polis DiRaja Malaysia. Sudah pasti dengan jumlah keahlian yang begitu besar, PERKEP dapat memainkan peranan yang lebih gigih dan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sehubungan itu, ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh tentang peranan kaum wanita dalam masyarakat. Dari semasa ke semasa kita sering mendengar persoalan mengenai peranan wanita, sepertimana digambarkan melalui dua pepatah Inggeris yang berikut, iaitu:

- a) The hand that rocks the cradle rules the world; dan
- b) Behind every successful man is a woman and viceversa, which I personally would like to revise into "behind every successful man is a woman, but not just any woman, but a wife".

Sama ada tuan-tuan dan puan-puan bersetuju dengan kedua-dua pepatah tersebut atau tidak, tidak menjadi persoalan. Yang penting di sini ialah kenyataan bahawa kaum

wanita memang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia bermasyarakat.

6. Sepertimana kita sedia maklum, negara kita kini dilanda banyak masalah sosial seperti lepak, bohsia, lari dari rumah, pelacuran dan pelbagai lagi masalah yang melibatkan anak-anak kita. Masalah-masalah sosial ini bukan sahaja masalah dan tanggungjawab negara tetapi ia sebenarnya ialah masalah masyarakat dan masalah kita sebagai ibubapa. Oleh yang demikian kita patut berganding bahu dan menggorak langkah untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Di sinilah terletaknya peranan kita sebagai ibubapa khasnya kaum ibu untuk memainkan peranan dengan lebih serius untuk mendidik, menyayang dan mendisiplinkan anak-anak kita supaya tidak terperangkap dengan tarikan-tarikan yang negatif itu. Begitu juga dengan masalah keganasan rumah tangga, semua pihak mesti berusaha dengan gigih mencari kefahaman dan kerjasama dalam rumah tangga.

7. Namun demikian kesepaduan tenaga wanita dalam semua arah amatlah penting dalam memantapkan lagi sumbangan mereka bagi mencapai keharmonian dan kebahagiaan manusia sejagat. Pencapaian keadaan ini akan lebih berjaya apabila tenaga dan fikiran wanita itu digemblingkan secara bersepadu melalui satu kumpulan atau pasukan seperti PERKEP.

8. Saya harap melalui persatuan keluarga polis yang teratur dan lengkap ini, kaum-kaum ibu akan dapat bertukar-tukar fikiran dan melengkapkan diri masing-masing untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah sosial dan keluarga di samping menyokong suami masing-masing yang sibuk dengan tugas seharian dan dengan itu menjadi contoh yang baik kepada persatuan-persatuan lain dan masyarakat setempat.

9. Dengan harapan itu dan dengan lafaz Bismillahir rahman- nirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan rumah PERKEP di Bukit Aman ini